

Dokumen disahkan,



Mohamad Azrol Mohamad Dali



MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION

DRAF MANUAL

**URUSAN MENDAPATKAN PERMIT PEMPEMBINAAN
NEGERI SABAH**

Disediakan oleh: Aminah Abd Rahman

Disemak oleh: Mohamad Azrol Mohd. Dali

KANDUNGAN

PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT DAN AGENSI NEGERI

SABAH	3
TINDAKAN PELAKSANAAN	6
SYOR 6 LANGKAH UTAMA	6
PEMETAAN <i>As Is</i> DI MAJLIS PERBANDARAN TAWAU	7
PEMETAAN <i>To Be</i> DI MAJLIS PERBANDARAN TAWAU	9
PROSES-PROSES UTAMA MENGAWAL PEMAJUAN.....	11
PENGLIBATAN PBT DAN AGENSI DI PROSES-PROSES UTAMA.....	14
CADANGAN PROSES-PROSES UTAMA PENGELUARAN PERMIT PEMBINAAN	15
PENGLIBATAN AGENSI TEKNIKAL PADA PROSES-PROSES UTAMA.....	20
CARTA ALIR PROSES	22
Proses 1 (P1 (a)) – Confirmation of zoning.....	22
Proses 1 (P1 (b)) – Pengumpulan Data-Data Teknikal.....	23
Proses 2 (P2) KM – Proses Pertimbangan Kebenaran Merancang.....	24
Proses 2 (P2) PB – Proses Pertimbangan Pelan Bangunan.....	25
Proses 2 (P2) PJ – Proses Pertimbangan Pelan-Pelan Infrastruktur, Lampu Jalan dan Jalan & Parit.....	26

Proses 3 (P3) – Pemberitahuan atau Notis.....	27
Proses 4 (P4) – Pemeriksaan Interim Semasa Pembinaan	28
Proses 5 (P5) - Pemeriksaan Akhir.....	29
Proses 6 (P6) - Pengeluaran OC	30
CONTOH TEMPLAT SENARAI SEMAK AGENSI TEKNIKAL.....	31
SENARAI SEMAK AGENSI TEKNIKAL	32
1.0 PROSES P1(B) – PENGUMPULAN DATA TEKNIKAL	32
2.0 PROSES P2 - PROSES PERTIMBANGAN PELAN.....	37
3.0 PROSES 3 – NOTIFIKASI MULA KERJA	62
4.0 PROSES 4 – PEMERIKSAAN INTERIM	63
5.0 PROSES 5 – PEMERIKSAAN AKHIR	65
6.0 PROSES 6 – PENGELUARAN OC.....	70
PENUTUP.....	71

PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT DAN AGENSI NEGERI SABAH

Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan adalah teras utama yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang berterusan. Pelbagai usaha dan tindakan susulan telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan meliputi penambahbaikan dalam beberapa bidang seperti mengurangkan kerenah birokrasi dengan mempermudah dan memperkemaskan sistem dan prosedur kerja sedia ada. Penambahbaikan ini dapat dilaksanakan apabila amalan tata kerja disemak dan dikaji semula, amalan-amalan yang menyumbang kepada kelewatan serta ketidakcekapan sistem penyampaian dikenalpasti dan seterusnya amalan tata kerja diperkemaskan dan jika terdapat keperluan, meminda undang-undang serta peraturan agar dapat meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan. Penambahbaikan yang berterusan ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos, masa dan tenaga kerja agensi kerajaan malah keberkesanannya juga akan turut dirasai oleh pihak pelanggan yang berurusan dengan Kerajaan.

Penambahbaikan kepada prosedur memproses pelan-pelan pembangunan negeri Sabah dimulakan dengan proses **pemetaan As /s**

terhadap prosedur pertimbangan pelan-pelan pembangunan sediada bagi mengenalpasti amalan semasa khusus dari aspek bilangan **prosedur iaitu interaksi** di antara pihak pelanggan dan agensi, **tempoh masa** yang diambil oleh agensi untuk melengkapkan semua prosedur dari peringkat pengemukaan pelan-pelan hingga ke peringkat bangunan siap dibina dan sedia untuk diduduki dan akhirnya **kos yang perlu dibelanja** oleh pihak pelanggan untuk mematuhi semua keperluan dan kehendak agensi.

Dapatan dari proses **pemetaan As Is** memberi gambaran yang sebenar amalan-amalan yang berlaku di lapangan termasuk syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pihak pelanggan bila berurusan dengan agensi. Terdapat amalan-amalan lapok dan tidak lagi relevan dengan situasi semasa tetapi masih dijadikan syarat pematuhan. Amalan serta proses kerja yang bertindih dan berulang juga adalah dapatan yang signifikan dari proses pemetaan ini. Walau bagaimanapun proses **pemetaan As Is** juga membuka ruang yang luas untuk proses penambahbaikan dan pemantapan dilakukan ke atas prosedur kerja semasa.

Proses seterusnya adalah proses **pemetaan To Be** yang menyediakan satu platform untuk agensi, para perunding dan pelanggan menggubal

proses kerja yang lebih menyeluruh, mesra pelanggan serta mematuhi undang-undang serta peraturan yang sedia termaktub. Punca kuasa agensi menyemak dan meluluskan pelan pembangunan serta punca kuasa mengenakan kos kepada pelanggan diteliti agar selaras dengan undang-undang tersebut di samping memberi kemudahan dan keselesaan kepada pelanggan. Amalan-amalan baik dunia dikenalpasti dan dicerap dalam proses mempertimbangkan pelan-pelan cadangan pemajuan negeri Sabah. Melalui proses **pemetaan To Be** adalah diharapkan prosedur memproses pelan pembangunan adalah selaras dengan kehendak undang-undang dan sistem penyampaian perkhidmatan agensi akan lebih berdaya saing, lebih efektif dan efisien.

TINDAKAN PELAKSANAAN

SYOR 6 LANGKAH UTAMA

Bagi menambahbaik prosedur memproses pelan pembangunan bagi negeri Sabah adalah disyorkan 6 langkah-langkah berikut diberi keutamaan untuk dilaksanakan segera iaitu :

1. **Pemetaan As Is** prosedur memproses pelan-pelan pembangunan dilaksanakan untuk mengetahui prosedur, masa dan kos sebenar yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kepada pelanggan semasa proses pertimbangan;
2. Bagi tujuan tersebut perlu dikenalpasti sekurang-kurangnya 1 sampel projek yang telah siap dibina untuk semua data-data memproses pelan-pelan pembangunan dikumpul dan dibentang, diperhalusi dan disahkan kesahihannya oleh semua pihak yang terlibat;
3. Projek-projek yang dikenaplasti perlu mempunyai data-data berkaitan tarikh pengemukaan pelan-pelan kepada PBT dan setiap agensi teknikal, tarikh perakuan dan ulasan dikeluarkan, tarikh kelulusan dan tarikh pelan-pelan dibentang untuk pertimbangan PBT dan agensi.

4. Untuk memastikan kesahihan data-data yang akan dikumpulkan, PBT dan agensi yang terlibat serta pemunya projek bersama pasukan projeknya duduk bersekali untuk berkongsi maklumat serta mengesahkan data-data yang dikumpulkan;
5. Bersandarkan dapatan proses pemetaan *As Is*, sasaran baru terhadap prosedur, masa dan kos memproses pelan-pelan pembangunan akan ditetapkan; dan akhirnya
6. Proses pemetaan *To Be* akan menerapkan cadangan penambahbaikan kepada proses kelulusan sediada menggunakan metodologi Bank Dunia serta menjurus kepada sasaran baru yang telah ditetapkan.

PEMETAAN *As Is* DI MAJLIS PERBANDARAN TAWAU

Pihak Perancang Tempatan bagi kawasan Tawau ialah Majlis Perbandaran Tawau (MPT). Selaras keperluan undang-undang, kelulusan terhadap pelan-pelan kebenaran merancang (KM), pelan bangunan(PB) dan pelan-pelan kejuruteraan(PJ) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum sesebuah pemajuan boleh dimulakan. Dari aspek kawalan pemajuan untuk memastikan pemajuan mematuhi kehendak dan keperluan agensi-agensi teknikal lain, MPT perlu mendapatkan ulasan

teknikal dan sokongan dari agensi-agensi teknikal luaran seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Kesihatan Tawau (PK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW), Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), Jabatan Air Tawau (JA), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Proses sediada mengkehendaki perunding mengemukakan pelan-pelan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan kejuruteraan kepada MPT. Perunding kemudiannya akan berurusan terus dengan agensi-agensi teknikal untuk mendapatkan ulasan serta komen terhadap cadangan pemajuan yang telah dikemukakan. Semasa proses ini berlaku di antara perunding dan agensi tiada satu entiti atau agensi yang memantau perjalanan proses. Sehubungan dengan itu bilangan interaksi di antara perunding dan agensi adalah tinggi dan tidak dapat dikawal serta tempoh masa yang diambil untuk melengkapkan kesemua interaksi adalah terlalu lama.

Pemetaan juga mendapati setiap agensi mempunyai piagam masa masing-masing untuk memproses permohonan sementara senarai semak

keperluan agensi-agensi tersebut tidak didokumenkan secara teratur sebagai rujukan kepada perunding.

Pemetaan As Is mendapati bilangan prosedur di antara perunding dan agensi dalam melaksanakan projek Rumah Kedai 3&4 tingkat di Batu 2 1/2 Jalan Kuhara, Tawau adalah **52 prosedur** dan masa yang diambil oleh agensi untuk melengkapkan kesemua prosedur adalah **606 hari tidak termasuk tempoh pembinaan projek tersebut.**

PEMETAAN *To Be* DI MAJLIS PERBANDARAN TAWAU

Dalam membincangkan *ways forward* proses pengeluaran permit pembinaan di daerah Tawau beberapa pendekatan atau *approaches* serta amalan-amalan peraturan terbaik dunia yang telah terbukti dapat mengurangkan beban peraturan atau *reducing unnecessary regulatory burdens* kepada para pelanggan telah cuba diterap dan disuaipadan kepada proses-proses sediaada. Perekayasaan proses atau *business process reengineering* adalah merupakan pendekatan utama yang digunakan dalam proses pemetaan *To Be* di Tawau. Proses-proses yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang serta yang tidak menyumbang kepada objektif perlaksanaan proses adalah dicadang

digugurkan. Amalan-amalan terdahulu yang tiada nilai tambah atau *added value* juga dicadang digugurkan dan diperkenalkan proses baru yang lebih efisien. Proses yang berulang serta bertindih di antara agensi dicadang disatukan menjadi satu proses dan dikemukakan secara serentak atau sekiranya memang terdapat keperluan dikemukakan secara satu persatu maka turutan proses diatur agar lebih efisien dan efektif. Perkara-perkara yang termaktub dalam undang-undang diberi keutamaan untuk dipatuhi agar proses-proses baru yang dicadangkan memenuhi objektif kewujudan undang-undang.

Punca kuasa undang-undang pihak PBT untuk memperaku dan meluluskan sesebuah cadangan pemajuan serta peranan agensi lain memproses untuk mengeluarkan ulasan teknikal, disemak dan dikaji semula agar tiada pertindihan di antara agensi sebaliknya lengkap melengkapi di antara satu sama lain.

Metodologi Bank Dunia mengukur keberkesanan sesuatu proses melalui bilangan interaksi di antara perunding dan agensi digunakan dalam proses penambahbaikan ini. Metodologi tersebut mengukur tempoh masa yang diambil oleh agensi untuk melengkapkan kesemua

interaksi atau prosedur yang perlu dilakukan perunding. Bagi tujuan menambahbaik proses-proses sediaada bilangan interaksi di antara perunding dan agensi akan cuba dikurangkan sekaligus akan mengurangkan tempoh masa untuk melengkapkan kesemua interaksi tersebut.

PROSES-PROSES UTAMA MENGAWAL PEMAJUAN

6 proses utama kawalan pemajuan yang melibatkan pengeluaran permit-permit pembinaan juga diperkenalkan. Proses-proses tersebut adalah seperti berikut:

- **Proses 1 - P1** iaitu **pengumpulan data-data teknikal** yang terkini dan relevan oleh perunding untuk melengkap dan memperkemas penyediaan pelan-pelan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan kejuruteraan yang akan dikemukakan.
- **Proses 2 - P2** iaitu **proses pertimbangan** terhadap pelan-pelan cadangan pemajuan yang dikemukakan kepada PBT dan agensi yang memerlukan ulasan teknikal dari agensi-agensi sebelum

MPT memperaku dan meluluskan pelan-pelan yang dikemukakan.

- **Proses 3 - P3** iaitu **pemberitahuan** atau notis kepada MPT dan agensi tentang **permulaan kerja-kerja pembinaan atau penyambungan semula kerja-kerja** di tapak.
- **Proses 4 - P4** iaitu **pemeriksaan interim semasa pembinaan** iaitu pemeriksaan perlaksanaan kerja di tapak yang dilakukan oleh agensi untuk memastikan pematuhan kepada kehendak agensi.
- **Proses 5 - P5** iaitu **pemeriksaan akhir** oleh MPT dan agensi untuk memastikan pematuhan kepada kehendak serta keperluan PBT dan agensi agar *Occupation Certificate* (OC) bersedia untuk dikeluarkan.
- **Proses 6 - P6** iaitu **pengeluaran OC** kepada pemunya projek yang mengesahkan bangunan telah siap dibina mematuhi kehendak undang-undang dan spesifikasi pembinaan dan telah bersedia untuk diduduki.

Sekiranya **perekayasaan proses, amalan-amalan terbaik dunia** dan **metodologi mengukur Bank Dunia** diambilkira dalam rangka kerja baru

proses pengeluaran permit-permit pembinaan di Tawau bagi jenis projek yang sama, para pelanggan akan dapat **mengurangkan kos menjalankan perniagaan** serta kos pematuhan kerana adalah dijangkakan bilangan **prosedur dapat dikurangkan dari 52 kepada 25** sementara tempoh masa **dapat dikurangkan dari 606 hari kepada satu tempoh yang lebih pendek iaitu 307 hari.**

PENGLIBATAN PBT DAN AGENSI DI PROSES-PROSES UTAMA

Jadual A: Penglibatan PBT dan Agensi di Proses Utama

AGENSI	P1	P2 (KM)	P2 (PB)	P2 (INFRA)	P2 (LAMPU JALAN / JALAN PARIT)	P3	P4	P5	P6
JBPM			√					√	
PK								√	
JPS	√			√	√				
JKR	√	√		√	√			√	
JPBW	√	√							
JTU	√	√		√					
JA	√	√					√	√	
SESB	√	√			√		√	√	
MPT		√	√	√	√	√		√	√
JPAS		√							
JAS		√							

CADANGAN PROSES-PROSES UTAMA PENGELUARAN PERMIT PEMBINAAN

1. Proses 1 - P1 iaitu pengumpulan data-data teknikal

- Perunding memohon maklumat teknikal yang terkini dan relevan untuk melengkap dan memperkemaskan penyediaan pelan-pelan kebenaran merancang, pelan bangunan dan pelan-pelan kejuruteraan.
- Perunding berurusan terus dengan agensi untuk mendapatkan maklumat teknikal.
- Agensi mengeluarkan maklumat-maklumat yang dipohon selewat-lewatnya dalam tempoh 28 hari dari tarikh permohonan

2. Proses 2 - P2 (KM) iaitu proses pertimbangan terhadap pelan-pelan kebenaran merancang

- Perunding mengemukakan 8 set pelan kebenaran merancang kepada PBT.

- PBT edar pelan kepada semua agensi untuk mendapatkan ulasan teknikal . Dalam tempoh 30 hari agensi teknikal mengulas dan mengeluarkan ulasan kepada PBT.
- PBT memproses permohonan dalam tempoh 30 hari untuk dibentangkan dalam Mesyuarat *TPC*.
- Dalam tempoh 14 hari seterusnya permohonan akan dibentang dalam Mesyuarat Majlis Penuh.
- Dengan kelulusan Mesyuarat Majlis Penuh permohonan dibawa ke *Central Board* untuk persetujuan dan dikemuka semula kepada PBT dalam tempoh 60 hari.
- PBT selaras permohonan dan keluaran keputusan terhadap permohonan kepada perunding dalam tempoh 7 hari.

3. **Proses 2 - P2 (PB)** iaitu **proses pertimbangan** terhadap pelan-pelan bangunan.

- Perunding mengemukakan 3 set pelan bangunan kepada PBT.

- PBT edar pelan kepada 3 agensi yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan teknikal . Dalam tempoh 30 hari agensi akan mengeluarkan ulasan kepada PBT.
- PBT selaras permohonan pelan bangunan dengan mengambilkira ulasan dari 3 agensi dan mengeluarkan keputusan terhadap permohonan kepada perunding dalam tempoh 7 hari.

4. **Proses 2 - P2 (PJ)** iaitu **proses pertimbangan** terhadap pelan-pelan kejuruteraan termasuk pelan Infrastruktur, pelan jalan dan parit dan pelan lampu jalan.

- Perunding mengemukakan 4 set pelan infrastruktur dan 5 set pelan lampu jalan dan pelan jalan dan parit kepada PBT.
- PBT edar pelan kepada agensi untuk mendapatkan ulasan teknikal . Dalam tempoh 30 hari agensi akan mengeluarkan ulasan kepada PBT.

- PBT selaras permohonan dengan mengambil kira ulasan dari agensi dan keluaran keputusan terhadap permohonan kepada perunding dalam tempoh 7 hari.

5. Proses 3 - P3 iaitu pemberitahuan atau notis

- Perunding mengemukakan pemberitahuan atau notis mula/sambung kerja kepada PBT.
- PBT ambil maklum dan rekod.

6. Proses 4 - P4 iaitu pemeriksaan interim semasa pembinaan

- Perunding memastikan keperluan agensi peringkat interim telah dipatuhi dan memaklumkan terus kepada Jabatan Air dan SESB bahawa pembangunan telah bersedia untuk diperiksa.
- Jabatan Air dan SESB menjadualkan lawatan tapak untuk pemeriksaan bagi memastikan pematuhan.
- Jabatan Air akan memeriksa kerja di tapak dalam tempoh 7 hari dari tarikh pemakluman oleh perunding.
- SESB akan memeriksa kerja di tapak dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemakluman oleh perunding

7. Proses 5 - P5 iaitu pemeriksaan akhir

- Perunding memastikan keperluan agensi di peringkat akhir telah dipatuhi termasuk semua laporan-laporan ujian dan pentauliahan serta borang-borang yang ditetapkan oleh agensi. Dokumen ini diserahkan kepada PBT dan memohon pemeriksaan akhir dijalankan supaya OC boleh dikeluarkan.
- PBT edarkan laporan dan borang-borang kepada agensi yang berkaitan.
- Dalam tempoh 30 hari agensi dikehendaki melakukan pemeriksaan akhir bersama perunding dan kemukakan ulasan akhir kepada PBT.
- PBT selaras semua ulasan akhir dari agensi dan maklum kepada perunding dalam tempoh 1 hari.

8. Proses 6 - P6 iaitu pengeluaran OC.

- PBT selaras semua ulasan pemeriksaan akhir dari agensi
- Dalam tempoh 7 hari PBT keluarkan OC kepada perunding.


PENGLIBATAN AGENSI TEKNIKAL PADA PROSES-PROSES UTAMA

- 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) terlibat di P2 (KM), P2 (PB) dan P5**
- 2. Pejabat Kesihatan Tawau (PK) terlibat di P2 (PB) dan P5**
- 3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terlibat di P2 (INFRA) dan P2 (LAMPU JALAN/ JALAN PARIT)**
- 4. Jabatan Kerja Raya (JKR) terlibat di P1, P2 (KM), P2 (INFRA), P2 (LAMPU JALAN / JALAN PARIT) dan P5**
- 5. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah (JPBW) terlibat di P1 dan P2 (KM)**
- 6. Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) terlibat di P2 (KM) dan P2 (INFRA)**
- 7. Jabatan Air Tawau (JA) terlibat di P1, P2 (KM), P4 dan P5**
- 8. Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) terlibat di P1, P2 (KM), P4 dan P5**
- 9. Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) terlibat di P2 (KM)**
- 10. Jabatan Alam Sekitar (JAS) terlibat di P2 (KM)**


- 11. Majlis Perbandaran Tawau (MPT) terlibat di P2 (KM), P2 (PB), P2 (INFRA), P2 (LAMPU JALAN / JALAN PARIT), P5 dan P6**

CARTA ALIR PROSES


Proses 1 (P1 (a)) – Confirmation of zoning




Proses 1 (P1 (b)) – Pengumpulan Data-Data Teknikal




Proses 2 (P2) KM – Proses Pertimbangan Kebenaran Merancang




Proses 2 (P2) PB – Proses Pertimbangan Pelan Bangunan




**Proses 2 (P2) PJ – Proses Pertimbangan Pelan-Pelan Infrastruktur,
Lampu Jalan dan Jalan & Parit**




Proses 3 (P3) – Pemberitahuan atau Notis




Proses 4 (P4) – Pemeriksaan Interim Semasa Pembinaan



Proses 5 (P5) - Pemeriksaan Akhir



Proses 6 (P6) - Pengeluaran OC



CONTOH TEMPLAT SENARAI SEMAK AGENSI TEKNIKAL

[illegible]

SENARAI SEMAK AGENSI TEKNIKAL

1.0 PROSES P1(B) – PENGUMPULAN DATA TEKNIKAL

1.1 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN AIR SABAH www.sabah.gov.my/air		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN SUSUN ATUR (Tapping point)	Menentukan kedudukan saiz dan jenis paip sedia ada bagi Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) di kawasan projek agar selaras 1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003 2. <i>Sabah Water Supply Regulations 2014</i>
2	BEBAN PENGGUNAAN AIR – (<i>Water Pressure</i>)	Memastikan keperluan bekalan air harian dapat dipenuhi. Memastikan kapasiti penyimpanan air adalah mencukupi agar selaras 1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003 2. <i>Sabah Water Supply Regulations 2014</i>
3		
4		

1.2 AGENSI TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD - SESB sesb.com.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN SUSUN ATUR	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	ANGGARAN BEBAN BEKALAN ELEKTRIK –	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
3		
4		

1.3 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH - JPS www.did.sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN TOPOGRAHI	Menyemak keselarasan rekabentuk pembangunan dengan rizab sungai, pantai dan alur air
2	PELAN TEMPATAN	Untuk menyemak keselarasan rekabentuk dengan Pelan Tempatan
3		
4		

DRAFT MANUAL DCP SABAH

1.4 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SABAH - JPP		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN SUSUN ATUR	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	PELAN LOKASI	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
3		
4		

1.5 AGENSI TEKNIKAL: KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA – KKMM www.kkmm.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN SUSUN ATUR	Menyemak dan menyenaraikan <i>Network Facility Provider</i> yang boleh memberi perkhidmatan, <i>last tapping point NFP</i> dan anggaran kos bagi perkhidmatan yang diberi
2	PELAN LOKASI	Menyemak dan menyenaraikan <i>Network Facility Provider</i> yang boleh memberi perkhidmatan, <i>last tapping point NFP</i> dan anggaran kos bagi perkhidmatan yang diberi
3		
4		

2.0 PROSES P2 - PROSES PERTIMBANGAN PELAN

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.1 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN KERJA RAYA – JKR jkr.sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	PELAN <i>TRANSPORT AND TRAFFIC SITE</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.2	AGensi TEKNIKAL: JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH SABAH – JPBW <i>refer attachment P2 KM JPBW page 2</i>	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan yang menunjukkan kesesuaian zon tanah dengan pembangunan (rujuk jadual <i>Zone & Land Use</i>)	Mengenalpasti kesesuaian pembangunan mengikut Jenis Zon Tanah (<i>Predominant Use & Prohibited Use</i>) agar selaras dengan <i>Planning Memorandum to PBT scheme</i>
2	Borang pemeriksaan yang lengkap berdasarkan jenis-jenis pembangunan i.e. Perumahan, Komersial, Perindustrian	Mengenalpasti pematuhan terhadap keperluan piawaian perancangan yang telah ditetapkan dalam <i>Planning Memorandum to PBT scheme</i>
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.3	AGENSI TEKNIKAL: JABATAN AIR www.sabah.gov.my/air	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>JABATAN AIR GENERAL REQUIREMENTS</i> LAMPIRAN 2.1.3(iv)-a	- Memastikan dokumen-dokumen permohonan bekalan air adalah teratur dan sempurna selaras Enakman Bekalan Air Sabah 2003 dan <i>Sabah Water Supply Regulations 2014</i> - Memastikan susun atur sistem perpaipan tidak bertindih dengan utiliti lain seperti kabel elektrik, telekom, sistem kumbahan dll.
2		
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.4 AGENSI TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD - SESB sesb.com.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Lampiran 2.1.3(v)-a yang lengkap diisii selaras <i>General Conditions for Development Plan Submission</i> . Pelan Pembangunan Terperinci mengandungi maklumat seperti dalam Lampiran 2.1.3(v)-a: General Conditions for Development Plan Submission . Saiz yang dicadangkan A0 dan A1 (dengan skala)	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.5	AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN – PBT sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	BORANG SENARAI SEMAK PENYERAHAN PELAN KEBENARAN MERANCANG	Semakan awal ke atas permohonan penyerahan pelan Kebenaran Merancang sebelum pertimbangan dan kelulusan lanjut di keluarkan kepada pemohon selaras <i>Town and Country Planning Ordinance (Sabah Cap.141)</i> <i>Building By – Laws 1951 (Amendment) 1982</i> <i>Planning Memorandum to PBT scheme</i>
2	PERAKUAN PELAN KEBENARAN MERANCANG/ PEMBAHAGIAN/ PENCANTUMAN - BORANG C	
3	PERMOHONAN PENYERAHAN PELAN KEBENARAN MERANCANG - BORANG PKM	
4	<i>APPLICATION FOR CONSENT TO USE LAND/BUILDING APPENDIX I</i>	
5	KRITERIA PERTIMBANGAN PELAN KEBENARAN MERANCANG LAMPIRAN KM-01	

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.6 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR - JPAS epd.sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	SENARAI SEMAK PENILAIAN KE ATAS PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	BORANG JPAS.IEE 1 LAMPIRAN 2.1.3(vii)-a	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.7 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN ALAM SEKITAR SABAH – JAS doe.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	SENARAI SEMAK INPUT TEKNIKAL BAGI PELAN PEMBANGUNAN (DP) DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SS/PAT/IP	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	SENARAI SEMAK INPUT TEKNIKAL BAGI PELAN PEMBANGUNAN (DP) DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) LAMPIRAN 2.1.3 (ix)-a	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
3		
4		

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.8	AGENSI TEKNIKAL: JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH – JTU jtu.sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Geran Tanah untuk pembangunan	Memastikan pemilik tanah sama dengan pemilik pembangunan / <i>Land Ordinance</i>
2	Semakan pemilik geran berdaftar terkini dan syarat guna tanah	Memastikan pemilik tanah sama dengan pemilik pembangunan, tempoh geran tanah dan syarat guna tanah / <i>Land Ordinance</i>
3	Pelan Ukur dan Pelan Lokality Yang menunjukkan kawasan geran tanah	Memastikan pembangunan terletak dalam kawasan geran pemilik tanah / <i>Survey Regulation, Land Ordinance</i>
4	Surat permohonan pembangunan kepada Pengarah Tanah dan Ukur Kota Kinabalu	Memastikan premium tanah telah dibayar sebelum pembangunan dimulakan / <i>Land Ordinance</i>

2.1 KEBENARAN MERANCANG (KM)		
2.1.9 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SABAH - JPP		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan Kebenaran Merancang	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.2 PELAN BANGUNAN (PB)		
2.2.1	AGensi TEKNIKAL: JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA - JBPM https://www.bomba.gov.my/	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Keperluan Mengemukakan Pelan Bangunan Lampiran KBPM 1	Semakan awal bagi permohonan pelan bangunan/ Pelan Arkitektual selaras Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL), 1984 dan Manual Memproses Pelan Arkitektual JBPM/PK/03
2	Senarai Semak Keperluan Mengemukakan Pelan Mekanikal & Elektrikal	Semakan awal bagi permohonan pelan bangunan/ Pelan Arkitektual selaras Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL), 1984 dan Manual Memproses Pelan M&E JBPM/PK/04
3		
4		

2.2 PELAN BANGUNAN (PB)		
2.2.2	AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN -PBT sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Penyerahan Pelan Bangunan (PB)	Semakan awal ke atas permohonan penyerahan pelan bangunan sebelum pertimbangan dan kelulusan lanjut di keluarkan kepada pemohon selaras dengan <i>Building By – Laws 1951 (Amendment) 1982</i>
2	Perakuan Pelan – Pelan Bangunan/ Struktur, Borang B	
3	Permohonan Untuk Penyerahan Pelan Bangunan, Borang PPB	
4	<i>Application for Consent To Use Land/ Building</i>	
5	Kriteria – Kriteria Pertimbangan Ke Atas Pelan Bangunan (PB)	
6	Senarai Semak Pengemukaan Pelan Bangunan Jenis Komersial	
7	Senarai Semak Pengemukaan Pelan Bangunan Jenis Kediaman	

2.3 PELAN INFRA		
2.3.1	AGENCI TEKNIKAL: JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH – JPS epd.sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan Kerja Tanah & Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodak Annex C (PINDAAN 2019)	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	Pemantauan Pematuhan Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodak Di Tapak Annex D (PINDAAN 2019)	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
3		
4		

2.3 PELAN INFRA		
2.3.2 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN KERJA RAYA - JKR jkr.sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.3 PELAN INFRA		
2.3.3 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN TANAH DAN UKUR SABAH - JTU jtu.sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan Penimbunan, Geran Tanah dan Pelan Ukur	Memastikan pemilik tanah sama dengan pemilik penimbunan dan penimbunan didalam kawasan geran / <i>Land Ordinance</i> AGENCI – JTU nyatakan disini sumber rujukan utk penyediaan pelan-pelan penimbunan dan pelan ukur.
2	Menjalankan pemeriksaan jika perlu	Memastikan penimbunan dijalankan pada kawasan geran dan tanah diambil dari geran mana / <i>Land Ordinance</i>
3	Pengiraan <i>Volume Tanah</i> di ambil dan ditimbus (<i>Fill and cut</i>)	Memastikan kelulusan tanah mengikut volume iaitu <i>Volume < 1000 Cubic Meter – PPHT dan Volume > 1000 Cubic Meter - PTU / Land Ordinance</i>
4	borang Schedule 23 dari PPHT	Persediaan mengalihkan tanah atau pasir sekiranya pelan penimbunan lulus / <i>Land Ordinance</i>

Nota:

Syarat no. 2 perlu dijalankan sekiranya syarat 1 tidak dapat dipastikan.

Syarat no.4 dibuat setelah pelan pembangunan telah disokong. No.4 dibuat kepada PPHT.

2.3 PELAN INFRA		
2.3.4	AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN - PBT sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Penyerahan Pelan Kerja Tanah (EP)	Objektif Semakan: Semakan permohonan penyerahan pelan KerjaTanah selaras <i>PBT Earthwork By – Laws 1982</i>
2	Perakuan Kerja Tanah Borang EW1	AGENSI – PBT senaraikan disini sumber rujukan untuk sediakan perakuan kerja tanah
3	Permohonan Penyerahan Pelan Kerja Tanah- Borang EW2	AGENSI- PBT senaraikan disini sumber rujukan utk penyerahan pelan kerja tanah.
4		

2.3 PELAN INFRA		
2.3.5 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SABAH - JPP		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.4 PELAN JALAN & PARIT, LAMPU JALAN		
2.4.1	AGensi TEKNIKAL: JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SABAH – JPS www.did.sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan Saliran Annex B (PINDAAN 2019)	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.4 PELAN JALAN & PARIT, LAMPU JALAN		
2.4.2	AGENSI TEKNIKAL: JABATAN KERJA RAYA – JKR jkr.sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.4 PELAN JALAN & PARIT, LAMPU JALAN		
2.4.3	AGensi TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD – SESB https://www.sesb.com.my/	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.4 PELAN JALAN & PARIT, LAMPU JALAN		
2.4.4	AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN -PBT sabah.gov.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Pelan Jalan & Parit Pelan Lampu Jalan	OBJEKTIF SEMAKAN Semakan terperinci keatas permohonan Pelan Jalan Pelan Perparitan selaras <i>Building By – Laws 1951 (Amendment) 1982</i>
2		
3		
4		

2.4 PELAN JALAN & PARIT, LAMPU JALAN		
2.4.5 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SABAH - JPP		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.5 PELAN UTILITI TERPERINCI		
2.5.1	AGENS TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD - SESB sesb.com.my	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<u>Borang</u> - Senarai semak Permohonan Bekalan Elektrik Melebihi 50kVA (DTPS-750-04-QR-01): Rujuk Lampiran 2.6(1)-a - Borang PD-9-1: Butiran Keperluan Permohonan Bekalan Elektrik (DTPS-750-04-QR-02) : Rujuk Lampiran 2.6(1)-b <u>Dokumen</u> - Surat permohonan dari Perunding M&E - Surat pelantikan perunding M&E dari pemaju - Salinan surat kelulusan dan kelulusan Pelan Pembangunan Terperinci dari DBKK - Surat urusan pemindahmilikan tapak tanah Pencawang (PMU/PPU/SSU/PE) - Surat kebenaran memasuki tapak dan membuat kerja-kerja pembinaan di tapak Pencawang (PMU/PPU/SSU/PE) <u>Pelan</u> - Pelan berdasarkan keperluan yang dinyatakan dalam Lampiran 2.6(1)-a. Saiz yang dicadangkan A0, A1 dan A2 (dengan skala)	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.5 PELAN UTILITI TERPERINCI		
2.5.2	AGensi TEKNIKAL: JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA -JBPM (ACTIVE) https://www.bomba.gov.my/	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<u>Borang</u> •Lampiran 2.7.1 (1)-a: Keperluan Pengemukaan Pelan Bangunan (JBPM 01) <u>Dokumen</u> •Surat Irian DBKK <u>Pelan</u> •Pelan Arkitektural yang lengkap menunjukkan maklumat-maklumat seperti dalam senarai semak Lampiran 2.7.1 (1)-a: JBPM 01 •Saiz yang dicadangkan A0 dan A1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.5 PELAN UTILITI TERPERINCI		
2.5.3	AGENSI TEKNIKAL: JABATAN AIR - JA www.sabah.gov.my/air	
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

2.5 PELAN UTILITI TERPERINCI		
2.5.4 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN SABAH - JPP		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<u>Borang</u> •Tiada borang <u>Dokumen</u> •Surat daripada Juruperunding QSP •<i>Design Calculation</i> <u>Pelan</u> •Pelan mengandungi input kejuruteraan seperti dalam Senarai Semak OSCDBKK/JK/SW/CHKLIST/01.18. Sila rujuk Lampiran 2.3(4)-a: Senarai Semak untuk Pengemukaan Pelan Sistem Pembetulan dan Loji Rawatan Kumbahan. •Salinan kelulusan Pelan Pembangunan Terperinci. •Salinan kelulusan Pelan Bangunan •Saiz yang dicadangkan A1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

3.0 PROSES 3 – NOTIFIKASI MULA KERJA

3.1 AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN – PBT sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Penyerahan Permohonan Memulakan Kerja MPT/SS/CW/2020()	OBJEKTIF SEMAKAN: Penerimaan dan Semakan dokumen berkait dengan maklumat pembinaan bagi tujuan rekod pemakluman mula kerja di tapak. selaras <i>Earthwork By – Laws 1982</i>
2	Notis Untuk Memulakan Kerja Borang CW	
3		
4		

4.0 PROSES 4 – PEMERIKSAAN INTERIM

4.1 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN AIR SABAH – JA www.sabah.gov.my/air		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Permohonan Pemeriksaan Bersama Sesalur Paip Air Dan Peralatan Paip -Borang JANS/H1	Menentukan tarikh pemeriksaan bahan- bahan/material pemasangan bekalan air di tapak projek selaras 1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003 2. Sabah Water Supply Regulations 2014
2	Joint Inspection for Pipes and Fitting Borang JANS/H2	Memastikan kuantiti dan kualiti bahan- bahan/material pemasangan bekalan air dipatuhi seperti di dalam pelan pembangunan bekalan air. Memastikan bahan/material air yang digunakan berdaftar dengan JANS dan mempunyai sijil-sijil kelulusan produk dari sirim/ikkm selaras 1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003 2. Sabah Water Supply Regulations 2014
3	Pressure Test Record Borang JANS/H3	Memastikan kualiti kerja oleh tukang pasang sesalur dibuat dengan teratur dan mematuhi keperluan JANS - Memastikan pihak juruperunding mengesahkan kuantiti dan kualiti kerja sistem bekalan air. - Memastikan sistem bekalan air lulus ujian tekanan dan kebocoran paip sebelum diserahkan kepada JANS untuk operasi bekalan air selaras 1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003 2. Sabah Water Supply Regulations 2014
4		

4.2 AGENSI TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD – SESB sesb.com.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

5.0 PROSES 5 – PEMERIKSAAN AKHIR

5.1 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA – JBPM https://www.bomba.gov.my/		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Permohonan Pemeriksaan Lampiran B1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2	Permohonan Pemeriksaan Dan Ujian Borang PU(A)207	
3	Senarai Semak Permohonan Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran	
4		

5.2 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN KERJA RAYA SABAH – JKR http://www.jkr.sabah.gov.my/		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

5.3 AGENSI TEKNIKAL: JABATAN AIR SABAH – JA www.sabah.gov.my/air		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Checklist Prior To OC Issuance and Meter Application- Form JANS/TWU</i>	<i>Memastikan semua keperluan permohonan bekalan air telah dipenuhi</i> <i>- Mencadangkan atau menanggung cadangan pengeluaran sijil menduduki oleh pihak majlis perbandaran tawau selaras</i> <i>1. Enakman Bekalan Air Sabah 2003</i> <i>2. Sabah Water Supply Regulations 2014</i>
2		
3		
4		

5.4 AGENSI TEKNIKAL: SABAH ELECTRICITY SDN BHD – SESB sesb.com.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>	<i>Tiada maklumbalas diterima</i>
2		
3		
4		

5.5 AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN – PBT sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	APPLICATION FOR THE ISSUE OF AN OCCUPATION CERTIFICATE Borang A	Penerimaan dan Semakan dokumen berkait keperluan pemeriksaan akhir sebelum penyelarasan dan penetapan tarikh pemeriksaan bersama agensi teknikal berkaitan selaras <i>Building By – Laws 1951 (Amendment) 1982</i>
2		
3		
4		

6.0 PROSES 6 – PENGELUARAN OC

6.1 AGENSI TEKNIKAL: PIHAK BERKUASA TEMPATAN – PBT sabah.gov.my		
BIL	SENARAI SEMAK	OBJEKTIF SEMAKAN / PUNCA KUASA
1	Senarai Semak Pengeluaran Sijil Menduduki (OC) Surat Sokongan a) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia c) Jabatan Kerja Raya d) Jabatan Air e) SESB f) Jabatan Teknikal Dalam PBT	<i>Penerimaan dan Semakan dokumen berkuat kuasa sebelum pengeluaran Sijil OC selaras</i> <i>Building By – Laws 1951 (Amendment) 1982</i>
2		
3		
4		

PENUTUP

Komitmen yang tinggi dari semua agensi, pemunya projek dan pasukan-pasukan perunding projek adalah amat kritikal untuk memastikan kejayaan inisiatif ini. Pengurangan prosedur dari 52 kepada 25 dengan tempoh masa yang lebih pendek iaitu dari 606 hari kepada 307 hari adalah satu sumbangan yang signifikan dalam mengurangkan kos menjalankan perniagaan di negeri Sabah.

Proses pertimbangan pelan-pelan pembangunan negeri Sabah yang cekap dan efisien juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang akan memberi limpahan manfaat kepada rakyat negeri Sabah.